



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 8 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	DAGING KERBAU BUAT IKAN KELI PENJARA, LOKAL, HM -21 RAMPAS 7.2 TAN AYAM BEKU SELUDUP, LOKAL, HM -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3. 4. 5. 6. 7. 8. 9.	SUNGAI KENABOI TERCEMAR, PENDUDUK DAKWA BERPUNCA DARI LADANG TERNAKAN, DALAM NEGERI, UM -24 PETUGAS IBADAH KORBAN DIUTAMA TERIMA VAKSIN, NEGERI SELANGOR, KL, JOHOR, SH -23 HAIWAN DIJANGKITI LSD SUDAH DILUPUS, LOKAL, HM -16 SEMBILAN TERNAKAN DI KEDAH KENA LSD, NASIONAL, BH -20 PKP MUSIM HAIWAN KE KLINIK, K2, KOSMO -15 LONJAKAN KEPRIHATINAN KEPADA HAIWAN PELIHARAAN, K2, KOSMO -16 PELIHARA HAIWAN TUNTUT KOMITMEN SEUMUR HIDUP, K2, KOSMO -17	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
10.	PENIAGA DURIAN DI PERAK BOLEH MOHON RENTAS DAERAH, NEGERI, NEGERI PERAK, SH -28	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
11.	RM22.04 JUTA HASIL JENAYAH DI LAUTAN, NEGARA, KOSMO -9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12. 13.	MINISTRY GIVES FRUITS, VEGETABLES TO 80 KELANTAN FRONTLINERS, NEWS/NATION, NST -8 MAFI PRIHATIN BANTU 21,802 PENERIMA PELBAGAI PERINGKAT, SH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
14. 15. 16. 17. 18.	BIDANG TERNAKAN CABARAN BAHARU, DALAM NEGERI, UM -27 PENTERNAK IKAN PATIN MENGELUH, PASARAN KRITIKAL, DALAM NEGERI, UM -28 NIAT MAHU CUBA, KINI TUAI 7 TAN, DALAM NEGERI, UM -26 LAMBAKAN DURIAN DI TELUK INTAN, DALAM NEGERI, UM -13 PEMILIK KEBUN DURIAN BOLEH MOHON RENTAS DAERAH, NEGARA, KOSMO -7	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/7/2021	HARIAN METRO	LOKAL	21

Daging kerbau buat ikan keli penjara

Shah Alam: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menyerahkan 680 kilogram daging kerbau sejuk beku yang sudah dilucutkan hak kepada Penjara Penor, Pahang semalam untuk dijadikan sumber makanan ternakan ikan keli.

Maqis memberitahu penyerahan tersebut membatikan 34 karton daging kerbau sejuk beku dari India dengan nilai anggaran RM11,710.37 yang didapati tidak mematuhi prosedur pengimportan melalui Pelabuhan Klang Barat.

Menurutnya, penyerahan produk membabitkan hasil rampasan sejak April lepas adalah untuk dijadikan sumber makanan ternakan ikan keli di bawah program rehabilitasi banduan di penjara yang dibuat oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia.

Jelasnya, semua serahan itu adalah daripada hasil sitaan pengimportan keluaran pertanian yang melalui proses lucut hak di bawah Seksyen 15 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

680kg

Daging kerbau sejuk beku yang sudah dilucutkan hak diserahkan jadi makanan ternakan ikan keli

“Inisiatif ini diharap dapat membantu pihak berkenaan dari segi menyediakan bekalan sumber makanan kepada haiwan ternakan,” menurut Maqis dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Maqis memaklumkan pihaknya sentiasa prihatin dalam membantu agensi yang memerlukan serta memastikan bekalan makanan haiwan yang diimport mencukupi dan dalam masa sama terus memastikan isu yang melibatkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit serta risiko kemasukan perosak berbahaya yang boleh mengancam industri pertanian dan penternakan negara dapat dikawal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/7/2021	HARIAN METRO	LOKAL	16

Rampas 7.2 tan ayam beku seludup

Tumpat: Sebanyak 7.2 tan ayam beku bernilai RM72,000 yang dipercayai diseludup masuk dari Thailand dirampas di sini, semalam.

Rampasan itu dilakukan terhadap sebuah lori yang ditahan di Kampung Kubang Batang, Wakaf Bharu jam 2.30 pagi.

Pegawai Pemerintah Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7), Superintendan Az-

hari Nusi berkata, pihaknya menerima maklumat mengenai penyeludupan ayam beku sebelum bertindak.

"Kenderaan yang dinaiki dua lelaki berusia 30 dan 24 tahun itu ditahan ketika melalui jalan di Kampung Kubang Batang.

"Hasil pemeriksaan di bahagian belakang kenderaan menemui kotak yang mengandungi 7,200 kilogram ayam beku diangkut ke Kuala Terengganu.

Ayam beku dipercayai diambil dari Thailand untuk dibawa ke Kuala Terengganu.

garkan bernilai RM72,000," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Azhari berkata, pemandu mengemukakan beberapa dokumen, namun ia meragukan sebelum mereka ditahan.

Menurutnya, ayam beku itu dipercayai diambil dari Thailand menerusi pangkalan haram di Pengkalan Kubor untuk dibawa ke Kuala Terengganu.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 11(i), Akta Perkhidmatan Kuaran dan Pemeriksaan Malaysia 2011," katanya.



AYAM beku dipercayai diseludup dari Thailand dirampas di Kampung Kubang Batang, Wakaf Bharu, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	24

Sungai Kenaboi tercemar, penduduk dakwa berpunca dari ladang ternakan

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
utusannews@mediamulia.com.my

JELEBU: Penduduk di Kampung Esok, Chennah dekat sini mendakwa Sungai Kenaboi yang sering digunakan mereka kini tercemar berpunca dari air ekoran sistem saliran kurang baik sebuah ladang ternakan di situ.

Seorang penduduk, Mohd. Rizal Mohd. Nor, 38, berkata, pencemaran itu menyebabkan sungai tersebut berbau busuk sejak seminggu yang lalu.

Dia yang sering menggunakan air dari sungai berkenaan untuk mandi juga kini mengalami kegatalan di kulit yang dakwanya berpunca daripada pencemaran air sungai berkenaan.

"Sejak seminggu lalu bau air sungai berbau busuk seperti tahi yang saya percaya hasil air dari ladang berkenaan yang juga terletak 500 meter dari rumah



ROSMADI Arif (kiri) menunjukkan saluran kumbahan dari ladang ternakan di Kampung Esok, Jelebu yang menyebabkan air Sungai Kenaboi tercemar. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

saya di Kampung Esok.

"Saya juga telah memaklumkan perkara ini kepada ketua kampung supaya ia dilaporkan kepada pihak bertanggungjawab," katanya ketika ditemui

Utusan Malaysia di Kampung Esok hari ini.

Menurutnya, isu pencemaran air sungai perlu diselesaikan segera berikutan dia menggunakan air berkenaan untuk tu-

juan mandi dan memasak.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Chennah, Rosmadi Arif berkata, dia sudah menemui pengurus ladang berkenaan ladang berkenaan yang tidak mempunyai saluran air yang baik.

"Tinjauan saya mendapati ladang ternakan lembu ini tidak mempunyai saluran air yang baik dan sekiranya hujan lebat ia akan melimpahkan air dari ladang berkenaan terus ke sungai.

"Saya juga telah memaklumkan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) berkenaan isu ini dan telah merujuk kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk tindakan lanjut," katanya.

Tambahnya, pihak pengurusan ladang tersebut juga telah memberi jaminan akan membuat kolam tadahan atau longkang bagi mengelak air dari ladang berkenaan terus ke sungai yang terletak hanya 200 meter.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/7/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR/ KL/JOHOR	23

Petugas ibadah korban diutamakan terima vaksin

Individu belum divaksin perlu disuntik satu dos sebelum dibenar sertai ibadah itu di masjid

Oleh ENGGU SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM

Petugas yang terlibat dalam ibadah korban akan diberi keutamaan untuk menerima suntikan vaksin Covid-19 menjelang Hari Raya Aidiladha nanti.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Ir Izham Hashim berkata, pihak Jabatan Agama Islam Selangor akan meminta senarai petugas daripada masjid-masjid yang terlibat dalam ibadah tersebut untuk mengenal pasti individu yang belum divaksin.

Izham berkata, pihaknya telah memaklumkan kepada Exco Kesihatan Awam, Perpaduan, Wanita dan Keluarga, Dr Siti Mariah Mahmud untuk memasukkan petugas yang belum menerima vaksin ke dalam Program Vaksin Selangor



Izham (kanan) menyerahkan replika cek kepada Amirudin ketika Program PSKNS di Shah Alam pada Rabu.

(SelVAX).

“Langkah tersebut diambil bagi mengelakkan tercetusnya kluster penularan wabak Covid-19 di kawasan sembelihan dijalankan.

“Petugas yang sudah divaksin diberikan keutamaan, namun mereka yang belum divaksin perlu disuntik sekurang-kurangnya satu dos vaksin sebelum menyertai ibadah korban tersebut,” katanya selepas Program Sumbangan Korban Negeri Selangor (PSKNS) di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada Rabu.

Hadir sama Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Dalam pada itu, Izham turut memaklumkan bahawa prosedur operasi standard (SOP) untuk ibadah korban akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

Sebanyak RM5.05 juta sumbangan korban ditaja oleh sembilan anak syarikat kerajaan Selangor termasuk 670 ekor lembu dan 1,000 ekor kambing yang akan diagihkan kepada masjid-masjid menerusi wakil-wakil rakyat dan pimpinan kawasan di negeri tersebut.

8/7/2021

HARIAN
METRO

LOKAL

16



LSD disebabkan virus berasal dari Afrika dan mula dikesan di Asia Tenggara tahun lalu.

Haiwan dijangkiti LSD sudah dilupus

Alor Setar: Tiga daripada sembilan haiwan ternakan di negeri ini yang disahkan dijangkiti penyakit kulit kental (LSD) sudah dilupuskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kedah.

Pengarahnya, Dr Shaha-rul Akmar Talib berkata, ternakan itu disahkan positif LSD selepas pihaknya melakukan pemeriksaan terhadap 258 premis membabitkan 6,809 ternakan di seluruh negeri.

"Sehingga Ahad lalu, pemeriksaan mendapati 48 ternakan dari 29 premis mempunyai tanda dijangkiti penyakit LSD.

"Daripada 48 ternakan itu, 35 kes masih menunggu keputusan, sembilan kes adalah positif dan empat kes negatif. Tiga ternakan yang positif juga sudah dilupuskan," katanya dihubungi, semalam.

Dr Shaha-rul berkata, LSD adalah penyakit berjangkit yang menjangkiti ternakan lembu dan kerbau, namun ia tidak merebak ke atas manusia.

Kata beliau, LSD disebabkan virus berasal dari Afrika dan mula dikesan di Asia Tenggara tahun lalu

dengan ia diklasifikasi sebagai penyakit bawaan vektor.

"Tanda klinikal penyakit ini adalah nodul (pembengkakan) yang keras dan sakit pada kulit lembu serta boleh merebak antara ternakan.

"Tiada rawatan khusus untuk penyakit ini, tetapi kawalan pencegahan yang paling berkesan adalah dengan vaksinasi. Kawalan pergerakan juga adalah kawalan utama untuk mengelak penyakit ini merebak kepada ternakan sihat lain," katanya.

Berikutan itu, Dr Shaha-rul menasihati penternak melaporkan kepada pejabat veterinar terdekat jika mendapati ternakan mereka mempunyai tanda klinikal LSD.

"Penternak diminta tidak memindahkan ternakan mereka dan perlu mengasingkan haiwan yang mempunyai tanda klinikal penyakit berkenaan.

"Penternak juga dinasihatkan menjalankan kawalan vektor (nyamuk, serangga menggigit dan kutu) di ladang masing-masing kerana penyakit ini adalah bawaan vektor penghisap darah," katanya.

**48 ternakan
dari 29 premis
mempunyai tanda
dijangkiti penyakit LSD**

Sembilan ternakan di Kedah kena LSD

**Pejabat Veterinar
nasihat penternak
lapor segera, elak
penyakit merebak
kawasan lain**

Oleh Noorzura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Sembilan haiwan ternakan di negeri ini dikesan dijangkiti penyakit Lumpy Skin Disease (LSD) dengan tiga daripadanya terpaksa dilupuskan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kedah.

Pengarahnya, Dr Shaharul Akmar Talib, berkata ternakan berkenaan disahkan positif LSD selepas pihaknya melakukan pemeriksaan terhadap 258 premis membabitkan 6,809 ternakan di

seluruh negeri.

"Hingga Ahad lalu, hasil pemeriksaan mendapati terdapat 48 ternakan dari 29 premis mempunyai tanda dijangkiti penyakit LSD.

"Daripada 48 ternakan itu, 35 kes masih menunggu keputusan, sembilan kes adalah positif dan empat kes adalah negatif.

"Sebanyak tiga ternakan yang positif juga sudah dilupuskan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Shaharul berkata, LSD adalah penyakit berjangkit yang menjangkiti ter-

nakan lembu dan kerbau, namun ia tidak merebak ke atas manusia.

Penyakit ini disebabkan virus berasal daripada Afrika dan mula dikesan di Asia Tenggara tahun lalu, dengan ia diklasifikasi sebagai penyakit bawaan vektor.

"Tanda klinikal penyakit ini adalah nodul (pembengkakan) yang keras dan sakit pada kulit lembu serta boleh merebak antara ternakan.

"Tiada rawatan khusus untuk penyakit ini, tetapi kawalan pencegahan yang paling berkesan adalah dengan vaksinasi. Kawalan pergerakan juga adalah kawalan utama untuk mengelak penyakit ini merebak kepada ternakan sihat lain," katanya.

Berikutan itu, Dr Shaharul memnasihatkan penternak melaporkan kepada Pejabat Veterinar terdekat jika mendapati terdapat ternakan mereka yang mempunyai tanda klinikal LSD berikutan penyakit ini termasuk dalam se-



Lembu yang diimport dari Thailand menjalani proses kuarantin dan dikesan mempunyai gejala LSD.
(Foto fail Ihsan MAQJS)

narai penyakit wajib lapor.

"Penternak diminta tidak mindahkan ternakan mereka dan perlu mengasingkan haiwan yang mempunyai tanda klinikal penyakit berkenaan.

"Penternak juga dinasihat menjalankan kawalan vektor (nyamuk, serangga menggigit dan kutu) di ladang masing-masing kerana penyakit ini adalah bawaan vektor penghisap darah," katanya.

Pada 2 Jun lalu, media melaporkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQJS) mengesan penyakit LSD pada 42 lembu hidup dari Thailand yang dikuarantin.

Pengarah MAQJS Kedah, Lily Rosalind Paul, berkata jumlah itu sebahagian daripada 1,434 lembu diimport pada 26 April lalu, yang menjalani tempoh kuarantin sebelum dibenarkan masuk ke negara ini.



Keratan akhbar BH 2 Jun lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/7/2021	KOSMO	K2	15



1k2
Mengalami
Hidup Anda

KHAMIS 08.07.2021

PKP musim haiwan ke klinik

PEMILIK haiwan yang bekerja dari rumah semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lebih pantas mengesan sebarang perubahan dan simptom tidak normal haiwan jagaan mereka lalu segera membawanya ke klinik sekali gus memberi mesej peningkatan kesedaran kesihatan haiwan peliharaan pada masa ini dalam kalangan masyarakat.

Kosmo!

Rencana
UtamaOleh
SITI AMINAH
MOHD. YUSOF

GEMAR berjalan terkedek-kekek di dalam rumah, si kakaktua spesies Macaw bernama Mojo itu barang kali tidak sedar ia seekor burung.

Baru berusia empat bulan, Mojo sangat manja dengan tuannya, Shahira Rahim, 38, dan gemar bermain kotak tisu, bola rotan serta gegelung kecil yang memang disediakan khas untuknya.

Namun, baru-baru ini, sebelah kaki Mojo bengkok menyebabkannya sukar bergerak. Bimbang dengan keadaan itu, Shahira telah membawanya ke klinik haiwan berdekatan rumahnya di Shah Alam, Selangor untuk rawatan.

"Tetapi kaki Mojo tidak sembuh walaupun ubat yang diberi doktor sudah habis digunakan. Saya kemudiannya pergi ke klinik lain dan selepas empat hari, bengkok pada kakinya sudah surut dan ia boleh berjalan semula," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Selain Mojo, Shahira yang bekerja sebagai guru tadika turut mempunyai seekor hamster, seekor arnab selain dua ekor kucing. Ibu kepada dua cahaya mata itu berkata, dia juga hairan apabila mendapati hamsternya dinamakan Jojo kerap bersin.

Katanya, faktor bekerja dari rumah pada masa ini menyebabkan dia mempunyai lebih banyak waktu memerhatikan haiwan kesayangannya yang datang bagai minyak yang penuh seperti anak sendiri.

"Jika ada keperluan, saya akan pergi ke klinik pada hari biasa kerana lebih mudah mendapatkan slot janji temu. Namun, jika saya terpaksa pergi pada hujung minggu, saya lazimnya membuat tempahan dua minggu lebih awal kerana kebanyakan klinik telah menetapkan had tertentu jumlah kemasukan pelanggan ke dalam premis mereka.

"Semasa membawa Jojo ke klinik pada 10 Jun lalu, doktor memberitahu rupa-rupanya ia alah terhadap jenis serbuk kayu yang menjadi alas sangkarnya," katanya.

Rutin harian Shahira kini juga banyak berkisar kepada kerja menguruskan haiwan misalnya bulu arnab dan kucing disikat setiap hari selain diberi makan vitamin hairball serta dititik ubat kutu.

"Burung kakaktua saya juga mandi setiap hari semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini. Sewaktu rutin kerja berjalan seperti biasa dahulu, selalunya saya dapat memandikannya pada hari Sabtu dan Ahad sahaja.

"Saya bercadang jika pandemik berlarutan lebih lama, saya mahu memelihara kambing pigmi pula. Salatnya kecil dan amat suka bermain. Boleh hilang segala stres di rumah bila melayan kerenah haiwan itu," ujarnya.

Cerita Shahira, beberapa tahun lalu dia pernah memelihara seekor burung bayan, namun kerana kurang diberi perhatian akibat kesibukan tugas menyebabkan ia menjadi garang dan agresif sebelum terpaksa diserahkan kepada rakannya yang pakar melatih pelbagai burung.



KESEDARAN para pemilik haiwan peliharaan terhadap kesihatan haiwan jagaan mereka didapati semakin meningkat semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan slot-slot janji temu juga penuh di klinik-klinik haiwan di negara ini.

Lonjakan keprihatinan kepada haiwan peliharaan



SALEHATUL KHUZAIMAH menyedari terdapat trend memelihara haiwan eksotik pada masa kini yang didorong oleh rasa ingin mencari kelainan bagi mengubah kebosanan di rumah.

INFO

Haiwan peliharaan

- Haiwan peliharaan ialah haiwan domestik atau haiwan yang dijinakkan untuk dijadikan teman, perlindungan atau hiburan
- Haiwan yang sering menjadi pilihan orang ramai untuk dipelihara adalah seperti anjing, kucing, arnab, burung, iguana, kura-kura dan hamster
- Selain haiwan peliharaan lazim seperti kucing dan anjing, terdapat juga haiwan peliharaan yang disifatkan sebagai haiwan eksotik
- Prof. Madya Datuk Dr. Vellayan menjelaskan, definisi haiwan eksotik ialah semua jenis haiwan yang dipelihara kecuali kucing dan anjing

Dalam situasi semasa, penularan pandemik Covid-19 bukan sahaja menyebabkan hospital dipenuhi pesakit manusia, malah slot janji temu di klinik-klinik haiwan turut penuh semasa PKP.

Seorang doktor haiwan yang bertugas di Kuala Lumpur dan Selangor, Dr. Salehatul Khuzaimah Mohamad Ali berkata, pemilik haiwan yang bekerja dari rumah semasa PKP lebih pantas mengesan sebarang perubahan dan simptom tidak normal haiwan jagaan mereka.

"Boleh dikatakan kunjungan ke klinik meningkat lebih 50 peratus dan slot janji temu selalunya penuh setiap hari.

8/7/2021

KOSMO

K2

17

Ada haiwan yang mengalami masalah kesihatan yang sangat ringan turut dihantar kepada kami.

"Mungkin ia disebabkan pemilik lebih banyak masa memantau haiwan jagaan secara lebih terperinci dan mereka mudah bimbang jika haiwan itu nampak tidak sihat, berbanding sebelum ini mereka sibuk di tempat kerja dan tidak sempat bawa haiwan ke klinik," katanya yang menjelaskan antara penyakit haiwan yang banyak dirujuk ialah masalah kulit, jangkitan bakteria, parasit, masalah hormon, selain kes melibatkan organ penting seperti jantung, buah pinggang dan kecederaan akibat kemalangan.

Salehatul Khuzaimah turut melihat trend memelihara haiwan eksotik meningkat pada musim pandemik disebabkan orang ramai ingin mencari kelainan selain didorong rasa bosan tinggal lama di rumah.

"Ini kerana, kajian mendapati mereka yang mempunyai haiwan kesayangan cenderung merasa lebih gembira dan kurang tertekan kerana ia boleh menjadi penghibur dan teman untuk meneruskan kehidupan dalam suasana norma baharu," katanya.

Sementara itu, seorang lagi doktor haiwan, Dr. Koh Choo Yan berkata, beliau turut melihat peningkatan kes pesakit haiwan yang dirujuk di klinik miliknya yang mempunyai cawangan di Johor, Kedah dan Kelantan sehingga 40 peratus dan ada pelanggan khuastr haiwan mereka dijangkiti Covid-19.

"Ada pemilik haiwan yang mendakwa haiwan mereka mengalami simptom Covid-19 seperti sesak nafas tetapi setelah diperiksa ia tiada kaitan dengan jangkitan virus tersebut.

"Hal ini memperlihatkan kesedaran masyarakat mengenai kesihatan haiwan meningkat dan mereka bukan saja datang ke klinik apabila haiwan jatuh sakit, malah mengambil langkah pencegahan seperti pengambilan vaksin, ubat kutu dan sebagainya," ujarnya.

Bekas Penolong Pengarah



SEORANG pemilik haiwan peliharaan kelihatan mengunjungi sebuah klinik haiwan baru-baru ini.



VELLAYAN

dan Ketua Veterinar Zoo Negara, Prof. Madya Datuk Dr. Vellayan Subramaniam berkata, pada musim pandemik, lebih ramai pemilik haiwan di negara ini bersikap bertanggungjawab terhadap haiwan

jagaan mereka.

"Ada juga pemilik haiwan yang mengadu tiada wang membiayai rawatan dan pihak kami telah beri perkhidmatan secara percuma untuk membantu mereka," katanya.

Mengulas tentang adakah Covid-19 boleh disebarkan haiwan, beliau berkata, ia belum pernah dilaporkan di negara ini dan amat sukar berlaku kepada haiwan peliharaan.

Namun, dalam keghalahan mencuba hobi baharu memiliki haiwan eksotik, beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak memelihara haiwan primat seperti kera, ungka dan monyet di rumah.

"Ini kerana, ia berpotensi memindahkan penyakit kepada manusia antaranya seperti flu, influenza dan batuk kering, selain manusia sendiri boleh memindahkan penyakit kepada kumpulan haiwan tersebut," ujarnya.



MUHAMMAD LUQMAN

Pelihara haiwan menuntut komitmen seumur hidup

MEMELIHARA haiwan merupakan komitmen seumur hidup yang bergantung kepada jangka hayat makhluk ciptaan Tuhan tersebut. Komitmen itu juga meliputi pelbagai jenis kos dan perbelanjaan rawatan yang boleh mencecah ribuan ringgit bergantung kepada penyakit dihadapi.

Pensyarah Jabatan Pengajian Klinik, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Dr. Muhammad Luqman Nordin berkata, buat masa ini tiada garis panduan atau penetapan harga standard untuk kos rawatan haiwan di negara ini.

"Misalnya, ada klinik haiwan mengenakan caj untuk pembedahan kucing sehingga RM200 dan ada juga mengenakan bayaran yang lebih rendah bergantung kepada kemudahan yang digunakan, kepakaran dan lokasi klinik. "Bagi kes ortopedik atau rawatan tulang pula, ada yang boleh menelan kos sehingga RM5,000, namun ada juga klinik mengenakan caj RM1,500 untuk rawatan yang sama," katanya ketika dihubungi K2.

Tambahnya, kos perubatan haiwan turut akan meningkat bergantung tempoh dan tahap kesukaran rawatan yang perlu dijalankan dan rawatan susulan, misalnya pembedahan pembuangan tumor kanser melibatkan prosedur pembedahan serta rawatan susulan kemoterapi.

Menurutnya, kos yang dikenakan turut bergantung pada jenis atau spesies haiwan dan saiznya.

Dalam pada itu, beliau berkata, perbuatan melepaskan haiwan peliharaan terutama jenis eksotik ke persekitaran luar dikuatiri boleh menyebabkan nasibnya berakhir tragis.

"Berkemungkinan haiwan itu tidak dapat bertahan, menderita dan akhirnya mati. Ia juga mungkin gagal bersaing mendapatkan makanan, tempat berlindung dan menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu.

"Namun, jika haiwan eksotik itu sejenis haiwan pemangsa, ia turut dibimbangi menjadi invasif dan mendominasi sesuatu ekosistem," ujarnya.



CHOO YAN semasa melakukan pembedahan ortopedik menyambung tulang patah seekor kucing di kliniknya di Batu Pahat, Johor.



SHAHIRA bersama salah seekor haiwan peliharaannya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/7/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK	28

Peniaga durian di Perak boleh mohon rentas daerah, negeri

MUALLIM - Peniaga dan pekebun durian boleh memohon surat kebenaran merentas daerah dan negeri untuk memasarkan hasil pertanian mereka berikutan musim raja buah itu sudah bermula di Perak.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, surat kebenaran itu melibatkan peniaga yang tidak mempunyai majikan selain hanya melibatkan aktiviti penjualan.

"Mereka boleh menjual durian dengan dapatkan kebenaran daripada Jabatan Pertanian, namun bagi mereka yang tiada majikan, mereka boleh dapatkan kebenaran daripada polis.

"Kita akan keluarkan surat kebenaran untuk merentas daerah dan negeri bagi mereka menjalankan aktiviti menjual dan memasarkan durian," katanya pada sidang akhbar Op Patuh Team Pemantau Bersepadu Ketua Polis Perak di IPD Muallim di sini pada Rabu.

Dalam perkembangan lain, Mior Faridalathrash berkata, tiada pertambahan pos-pos sekatan jalan raya (SJR) dilakukan sebagai persediaan sempena sambutan Hari Raya Aidiladha pada 20 Julai ini.

Katanya, pos-pos yang sedia ada dilihat memadai selain strategik untuk mengawal dan memeriksa keluar masuk kenderaan di setiap daerah dan sempadan negeri.

"Untuk fasa dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) di Perak ini, pergerakan rentas negeri dan daerah tidak dibenarkan.

"SJR sedia ada kini sudah memadai untuk kawal pergerakan, namun ia bergantung kepada keputusan atau prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan," katanya.



Mior Faridalathrash pada sidang akhbar Op Patuh Team Pemantau Bersepadu Ketua Polis Perak di IPD Muallim pada Rabu.

Babit aktiviti seludup dadah, kontraband dan pencerobohan nelayan asing

RM220.4 juta hasil jenayah di lautan

Oleh AFIQ AL-HAFIZ MAT YUSOF

KUALA LUMPUR – Pasukan Polis Marin (PPM) berjaya mematahkan sebanyak 3,435 aktiviti jenayah di kawasan perairan negara melibatkan rampasan berjumlah RM220.4 juta sejak Januari hingga bulan lalu.

Komander PPM, Deputy Komisioner Mohd. Yusoff Mamat berkata, kejayaan itu sekali gus menunjukkan peningkatan sebanyak RM164.6 juta atau 295 peratus berbanding tempoh sama pada tahun lalu.

Keberhasilan kejayaan itu memperlihatkan aktiviti pelanggaran undang-undang membabit penyeludupan kontraband, pendatang asing tanpa izin (PATI), dadah dan pencerobohan nelayan asing.

"Sebanyak 38,694 kapal tempatan dan asing diperiksa dalam tempoh itu berbanding 26,908 pada tahun lalu.

"Seramai 157,467 orang juga telah diperiksa dalam tempoh sama," katanya pada sidang akhbar di Bukit Aman di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, kes di bawah Akta Peri-



MOHD. YUSOFF

tan tersebut bukan sahaja merugikan dan memberi impak besar kepada ekonomi, malah memberi kesan terhadap aspek keselamatan serta ketenteraman negara.

"PPM tidak akan berkompromi dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab bagi memastikan aktiviti yang menyalahi undang-undang dapat dibanteras.

"Masyarakat setempat juga diharapkan dapat memberi kerjasama dan maklumat bagi membantu pihak berkuasa dalam melaksanakan tanggungjawab ini," katanya.

ANGGOTA PPM melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kapal dalam usaha mengesan kegiatan yang melanggar undang-undang perairan di perairan negara. - GAMBAR HIASAN

kanan 1985 mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 1,460 kes.

Akta Imigresen 1959/63 pula mencatatkan sebanyak 57 kes. Sebanyak 133 kes direkodkan bagi kesalahan di bawah Akta Kastam 1967, manakala selebihnya mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961(115), Akta Perka-

Jelas beliau, PPM masih

mengedarkan tiga teras utama bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman di perairan negara iaitu pencegahan, menstabilkan kesejahteraan rakyat serta penguatkuasaan berterusan dan penyampaian perkhidmatan ter- baik kepada masyarakat.

Tambah Mohd. Yusoff, kedia-

MAFI PRIHATIN PROGRAMME

Ministry gives fruits, vegetables to 80 Kelantan frontliners

KOTA BARU: The Agriculture and Food Industry Ministry, via the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), yesterday handed over aid to 80 state frontliners.

The aid, comprising fruits and fresh vegetables, was handed over to the frontliners by Deputy

Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

The event, which was under the Mafi Prihatin programme, was held at the Covid-19 vaccination centre in Tunjong.

Che Abdullah said the Mafi Prihatin programme was aimed at reducing the burden suffered

by people who have been affected by the Covid-19 pandemic.

"The programme has benefited 21,802 people so far, mostly frontliners, since its inception on May 27 until July 5.

"It was held at 82 locations throughout the country. Some

37.51 metric tonnes of food have been distributed," he told reporters after presenting the aid to state medical officer Dr Nik Insusunarti Shafel.

Present were state Fama director Wan Nora Wan Ahmad and Fama marketing adviser Mohd

Ariffin Awang.

Che Abdullah said 716 people had received the aid in Kelantan, which was held at eight locations statewide.

"These people were given fruits and vegetables weighing about 2.9 metric tonnes," he added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/7/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI Prihatin bantu 21,802 penerima pelbagai peringkat



Che Abdullah (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada wakil penerima, Pegawai Perubatan U54, Dr Nik Insusinarti Shafei di PPV, Dewan Sri Tunjong, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Kota Bharu pada Rabu.

KOTA BHARU - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui program MAFI Prihatin telah menyampaikan bantuan kepada 21,802 orang penerima yang terdiri daripada pasukan barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, ia melibatkan 82 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan penyaluran makanan sebanyak 37.51 metrik tan.

"Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) melalui MAFI Prihatin juga telah membantu 425 usahawan tani dalam memasarkan 44 jenis hasil pertanian dan produk mereka yang mengalami kesukaran dalam menjalankan aktiviti pemasaran semasa tempoh pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Beliau hadir menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada 80 orang petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Dewan Sri Tunjong, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, di sini pada Rabu.

Hadir sama, Penasihat Kompleks Pemasaran FAMA, Mohd Ariffin Awang dan Pengarah FAMA Negeri, Wan Nora Wan Ahmad.

Sumbangan yang berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan ini merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang bertujuan membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19.

Antara barangan yang disalurkan adalah nanas, jambu batu dan terung.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata, untuk program MAFI Prihatin di Kelantan pula, seramai 716 penerima menerima manfaat berkenaan melibatkan lapan lokasi seluruh Kelantan dengan jumlah keseluruhan pemberian sebanyak 2.9 metrik tan sayur-sayuran dan buah-buahan.

Sementara itu, Che Abdullah juga memberitahu, peranan FAMA dalam khidmat pemasaran terbahagi kepada dua iaitu belian secara langsung dan pengaturan pasaran.

"Bagi tempoh Januari hingga Jun, FAMA telah membuat belian secara langsung sebanyak 5,557 metrik tan dengan nilai RM9,575,932, manakala pengaturan pasaran adalah sebanyak 15,798 metrik tan dengan nilai RM27,223,279.

"Belian secara langsung adalah Pusat Operasi FAMA membuat pembelian hasil pertanian usahawan tani, manakala bagi pengaturan pasaran, FAMA membantu dalam penyediaan ruang pasaran dan pepadanan perniagaan usahawan tani dengan pihak swasta atau persendirian," katanya.

Untuk rekod, terdapat dua buah Pusat Operasi FAMA di Kelantan iaitu di Kota Bharu dan Machang.

FAMA Kelantan telah membuat belian secara langsung sebanyak 875 metrik tan dengan nilai RM1,492,000. Bagi pengaturan pasaran pula adalah sebanyak 4,990 metrik tan dengan nilai RM7,300,000.

Antara daerah pengeluaran utama adalah di Kota Bharu, Pasir Putih dan Bachok yang melibatkan tiga komoditi utama di Kelantan iaitu tembikai, labu dan 'honeydew'.

Untuk mendapatkan khidmat pemasaran ini bolehlah menghubungi Pusat-pusat Operasi FAMA yang terdekat atau melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/>) untuk sebarang pertanyaan, cadangan atau aduan.

Bidang ternakan cabaran baharu



MOHAMMAD YUSOFF KHALILI Mohammad Ssunabari memberikan makanan kepada lembu ternakannya di Kampung Machang Ulu, Lenggeng Seremban, semalam. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
utusannews@mediamulla.com.my

SEREMBAN: Mengambil kira sektor pelancongan termasuk ibadat umrah dan haji yang akan mengambil masa lama untuk pulih ekoran penularan pandemik Covid-19, seorang usahawan muda bertindak menukar bidang perniagaannya.

Mohammad Yusoff Khalili Mohammad Ssunabari, 34, berkata, sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu, dia mengambil keputusan memberhentikan sementara operasi syarikat ejen pelancongan dan memberi tumpuan kepada bidang ternakan.

"Saya tidak mahu terus berdiam diri, saya mulakan pula bidang perternakan lembu, kambing, rusa, ayam dan anab.

"Alhamdulillah, saya dibantu Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang memberikan padang ragut sebesar lebih empat hektar melalui pajakan bagi diusahakan perternakan haiwan," katanya ketika ditemui Utusan Malay-

sia di Kampung Machang Ulu, Lenggeng dekat sini semalam.

Menurutnya, dia bermula dengan membeli sebanyak 40 ekor lembu dan hingga kini bertambah kepada 120 ekor lembu secara keseluruhan di ladang ternakannya itu.

"Kami memulakan modal yang kecil namun sambutan daripada peniaga yang mencari lembu untuk dijual saban hari terus meningkat. Kami juga membuat dua jenis kaedah ternakan iaitu lembu untuk korban dan untuk pembiakan," katanya. Mohammad Yusoff menjelaskan, dia juga berhasrat membuka perniagaan pembuatan daging burger dalam tempoh masa tiga hingga lima tahun lagi.

"Industri ini semakin baik jadi saya berhasrat membuka perniagaan pembuatan daging burger ayan, anab dan turut menjual pelbagai produk sejuk beku kelak," katanya.

Dia dalam pada itu memberitahu telah menerima tempahan sebanyak 35 ekor lembu dan 12 ekor kambing sempena Hari Raya Aidiladha tidak lama lagi. *

Penternak ikan patin mengeluh, pasaran kritikal

OKH HARI FADILAH AHMAD
utusannews@medianulla.com.my

TEMERLOH: Pengusaha ternakan ikan dalam sangkar di Sungai Semantan di sini menanggung kerugian ekoran permintaan yang rendah sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Berikutan pelbagai sekatan dalam tempoh itu menyebabkan permintaan terhadap ikan sungai terutama ikan patin yang menjadi kegemaran penduduk tempatan dan luar tiada sambutan.

Berikutan kekurangan pelanggan, pengusaha kedai makan di bandar Temerloh juga terpaksa menghebadkan jualan masakan asam tempoyak ikan patin yang sebelum ini cukup dikenali serta laris dalam kalangan pelanggan tempatan dan luar.

Kesemua pengusaha merungut kerana kesukaran untuk menghantar ikan ke pasaran luar daerah atau negeri lain dalam tempoh penguat kuasaan PKP ini.

Pengusaha ternakan sangkar Kampung Paya Kecil, Mohamad Filtri Abdul Rahman, 30, berkata, kemungkinan akan berlaku lambakan ikan ternakan di Sungai Semantan dan Sungai Pahang berikutan tiada permintaan dan peluang dipasarkan ke luar.

"Kira-kira 10 tan ikan patin di



MOHAMAD FILTRI Abdul Rahman (kanan) bersama seorang pengusaha menunjukkan ikan patin yang tidak laku di Kampung Paya Kecil, Temerloh, Pahang, baru-baru ini. - HARI FADILAH AHMAD.

sangkar milik saya belum mendapat pasaran dan sekiranya masih lagi tidak dijual minggu ini menyebabkan saya menanggung kerugian kerana terpaksa membelanjakan makanan untuk melanjutkan hayat ikan ini.

"Mulai PKP Mac tahun lalu, pengusaha di sini tidakkah berdepan tekanan pasaran seperti ini malahan masih ada pemborong dan pelanggan walaupun pasarnya mula nampak perlahan," katanya pada pesanan pelanggan ternakan.

Kampung Paya Kecil dekat sini kelmarin. Rakannya, Norzainal Fari dan Zainal Abidin, 30, berkata, sebelum ini ikan patin boleh laku kira-kira 100 kilogram (kg) sehari berbanding apabila sejak bermulanya PKP cuma 10 kg mampu dipasarkan malahan tidak berbaloi menampung belanja membeli makanan ikan yang harganya terus meningkat.

"Kami hanya bergantung kepada pesanan pelanggan ternakan. Kami berharap kerajaan membantu masalah kami dengan usaha ikan sangkar di sini dengan memberi kelonggaran atau kemudahan menghantar ikan patin ke negeri lain seperti yang dilakukan sebelum ini," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	26

Niat mahu cuba, kini tuai 7 tan

Oleh TOREK SULONG
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA KRAI: Penat lelah pemuda berpanas dan bergelumang lumpur mengerjakan empat hektar tanah terbiar di Kampung Chuchuh Puteri di sini dengan nanas Madu Kaca dan MD2 berbaloi apabila tujuh tan tanaman itu dapat dituai pada setiap musim.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, Wan Lokman Wan Haron, 33, yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Keusahawan Teknologi Pertanian dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berkata, niat asalnya hanya mahu mencuba secara suka-suka.

Kata Wan Lokman, dia gembara apabila ladang itu semakin berkembang dalam tempoh tiga tahun hingga mampu menawarkan pekerjaan kepada saudara mara dan penduduk setempat yang terhimpit akibat pandemik sejak setahun lalu.

"Dorongan dan bantuan keluarga menyuntik semangat untuk saya menebus guna tanah terbiar di kampung ini sejak 2018. Malah modal permulaan sebanyak RM30,000 juga diperoleh daripada keluarga dan saudara mara.

"Usaha mengerjakan tanah ini dibuat secara berperingkat,



WAN Lokman Wan Haron menunjukkan hasil tuaian nanas di ladang yang diusahakannya di Kampung Chuchuh Puteri, Kuala Kral, Kelantan. - UTUSAN/TOREK SULONG

sedikit demi sedikit dengan tenaga kerja saudara mara serta penduduk setempat. Selepas tiga tahun berusaha, akhirnya ladang yang saya usahakan ini mampu hasilkan tujuh tan nanas semusim," katanya.

Wan Lokman berkata, biarpun aktiviti pertanian dibenarkan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),

petani sepertinya masih terjejas teruk apabila hasil tanaman mereka tidak dapat dipasarkan secara maksimum.

"Tetapi saya amat bersyukur apabila Kelantan kini menjadi antara negeri yang beralih kepada Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang membolehkan pasar tani dibuka.

"Di bawah Fasa Dua PPN ini,

ruang untuk kami memasarkan hasil pertanian lebih luas, jadi ini masa terbaik untuk kami bangkit semula perlahan-lahan," katanya.

Menurut Wan Lokman, nenas dari ladangnya dijual dengan harga borong iaitu RM2.50 sekilogram bagi varieti Madu Kaca dan RM4 sekilogram bagi varieti MD2.

Lambakan durian di Teluk Intan

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamulla.com.my

TELUK INTAN: Musim durian di negeri ini tidak lama lagi dijangka mengakibatkan lambakan durian sehingga menyebabkan raja buah itu mula mengalami penurunan harga.

Pemaga durian, Zulkifli Fuzi, 51, berkata, antara daerah yang terkenal dengan pengeluaran durian seperti Batu Kurau, Tappal, Kuala Kangsar dan Kampung Gajah kini mula dibanjiri raja buah itu.

Menurutnya, berikutan lambakan durian, harga raja buat itu dijangka mengalami penurunan.

"Sekarang saya jual antara RM8, RM10 dan RM12 sekilogram durian kampung dan jika Musang King, masih boleh dijual pada harga RM38 sekilogram berbanding RM68 dan RM58 sekilogram sebelum ini."

"Malah ada yang dijual serendah RM5 sekilogram selongkok



ZULKIFLI FUZI (Kiri) bersama pekerjaanya menunjukkan buah durian yang dijual secara kilogram dan longkok di Teluk Intan, Perak, semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

empat atau lima biji pada harga RM20 manakala buah yang

'kurang elok' tetapi masih boleh dimakan RM10 selongkok.

"Harga ketika ini agak rendah dan ramai pelanggan yang da-

tang, basil jualan cepat habis," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sementara itu, di Kuala Kangsar, situasi sama juga dijangka berlaku.

Peraih dan penjual durian di Kati dekat sini, Muhammad Nazri Abdullah berkata, pada pertengahan bulan lalu, harga buah durian kampung boleh mencecah sehingga RM14 sekilogram.

Menurutnya, namun harga itu turun sehingga RM8 hingga RM10 mulai awal bulan ini.

"Harga durian dijangka turun lagi sebab kebanyakan daerah di Perak, buah durian sudah mulai luruh serentak, jadi mungkin berlaku lambakan buah.

"Hampir semua kawasan mengalami musim durian luar namun buah tidak dapat dijual di luar daerah dan negeri lain disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), jadi akan berlaku lambakan," katanya.

Pemilik kebun durian boleh mohon rentas daerah

IPOH – Pihak berkuasa tidak mengenakan sekatan kepada pemilik kebun durian untuk memohon kebenaran merentas daerah bagi meninjau tanaman mereka jika permohonan yang dikemukakan memenuhi syarat.

Ini kerana, permohonan berkaitan adalah sama seperti mana bidang pertanian lain khususnya yang melibatkan rantaian makanan.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Yahaya Hassan berkata, pihaknya tidak mempunyai halangan untuk memberi kelulusan rentas daerah bagi mereka yang memiliki kebun durian termasuk pemajak dan juga pekerja kebun.

Menurut beliau, pemilik kebun durian sama juga seperti pemilik kebun getah yang perlu berulang-alik untuk mengusahakan tanaman atas tujuan pertanian.

"Kita benarkan pemilik kebun atau pemajak dan tiada halangan pada permohonan yang dikemukakan dengan bukti yang betul.

"Sebarang kegiatan pertanian memang diberi pertimbangan. Kita juga tidak akan menyuarakan pekebun-pekebun ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan baktul makanan kepada 10 penerima melalui Ops Bantu Tbu Pejabat Polis Daerah Ipoh di sini.

Dalam perkembangan lain, Yahaya turut menasihatkan warga bandar ini agar terus kekal patuh kepada arahan yang ditetapkan kerana Ipoh kini berada pada Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara.

Katanya, ini termasuklah larangan melakukan aktiviti riadah secara berkumpulan atau beriadah di luar dari kawasan kejiranan yang ditetapkan.



POLIS tiada halangan untuk memberi kelulusan rentas daerah kepada para pengusahanya kebun durian untuk meninjau tanaman mereka.

— GAMBAR HIASAN